

| | |
|-----------|----------------|
| Newspaper | AMANAHAH |
| Date | 2 OCTOBER 2016 |

Tun Mahathir jawab pengkritik

“Saya tak sama macam Najib”

KUALA LUMPUR: Mengulas kritikan sesetengah pihak bahawa beliau juga melakukan banyak kesilapan ketika menjawat jawatan Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad menulis panjang dalam blog beliau di chedet.cc 23 September lalu.

Bekas Presiden Umno itu mengakui biasa dituduh sebagai perasuah, korup, mempunyai kroni dan lain-lain namun menganggapnya sebagai perkara biasa dalam politik.

Namun jelas Tun Mahathir, tuduhan yang dilempar terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak pernah dilempar kepada beliau semasa memegang tampuk kuasa.

“Bahkan selepas saya letak jawatan usaha selidik terhadap salahlaku oleh saya yang dibuat oleh kepimpinan yang menyusuli tidak berjaya mengenal pasti salahlaku saya berkenaan pengurusan kewangan negara.

“Jika ada saya yakin sudah lama saya diheret ke mahkamah,” ujar beliau.

Tun Mahathir juga menjelaskan telah menolak hadiah tanah di Putrajaya sewaktu beliau melepaskan jawatan dan menyerahkan kepada kerajaan hadiah yang diterima termasuk 24 buah kereta.

“Saya tidak perlu kekayaan kewangan,” ujarnya.

Beliau juga percaya semua rakyat Malaysia tahu dan sedar bahawa keadaan dalam negara amat tidak baik khususnya apabila Perdana Menteri dituduh melesapkan beribu juta ringgit duit kerajaan (rakyat).

“Berita ini tidak boleh dilapor dalam media Malaysia tetapi melalui media sosial hampir semua rakyat dapat ikuti perkembangan.

“Sekarang bukan sahaja media asing melapor berkenaan lebih USD3.5 bilion sudah dilesapkan oleh Najib, Jabatan Keadilan Amerika Syarikat juga mengeluarkan laporan rasmi bahawa “Malaysian Official 1” (yang diakui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Abdul Rahman Dahlan ialah Datuk Seri Najib) terlibat dalam melesapkan

Amanah - 2/10/2016
wang 1MDB.

“Jika semua laporan media dan Jabatan Keadilan Amerika Syarikat tidak benar, kenapakah tidak ada sama sekali sebarang usaha oleh Najib membuat saman malu terhadap mereka,” soal beliau.



TUN MAHATHIR MOHAMAD

Beliau turut melahirkan perasaan kesal kerana para intelek, wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin bahagian parti kerajaan tidak berbuat apa-apa untuk memulihkan negara yang telah dirosakkan Najib.

“Sebaliknya ada yang cuba mempertahankan Najib kerana kononnya semasa saya jadi Perdana Menteri, saya juga buat perkara yang sama. Oleh itu saya tidak berhak mengkritik, jauh sekali dari menjatuhkan Najib.

“Saya ingin tanya bilakah semasa saya jadi Perdana Menteri saya dituduh di dalam dan di luar negeri yang saya curi duit kerajaan (duit rakyat) berbilion ringgit?” soal beliau.

Tun Mahathir turut mempertikaikan tindakan Najib merahsiakan laporan Bank Negara, laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan laporan Ketua Audit Negara jika beliau tidak bersalah.

“Apakah sebabnya yang laporan polis terhadapnya tidak disiasat oleh polis, tetapi pembuat laporan dan peguamnya disoal, ditahan dan dihadapkan ke mahkamah dengan tuduhan yang tidak masuk akal.

“Apakah sebabnya yang Gani Patail, Peguam Negara, diberhentikan dan diganti dengan pelawak Apandi.

“Kenapakah undang-undang negara tidak dipatuhi? Sekarang tidak ada ‘Rule of Law’ (kedaulatan undang-undang). Kenapakah rakyat diugut dengan Akta Keselamatan baru yang memberi kuasa untuk tangkapan tanpa dibicara,” soal beliau.

Sehubungan itu, Tun Mahathir mencabar para pengkritiknya supaya tidak menyamakan beliau dengan Najib malah perlu membenarkan proses perundangan dilaksanakan dan Perdana Menteri dihadapkan ke mahkamah keadilan.